

Headline	<b>Pusat Kelip-Kelip Kuala Selangor berwajah baru</b>
Date	<b>02. Mar 2009</b>
Media Title	<b>Kosmo</b>
Section	<b>Negara</b>
Circulation	<b>120000</b>
Readership	<b>234000</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>13</b>
Article Size	<b>99 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>
AdValue	



# Pusat Kelip-Kelip Kuala Selangor berwajah baru

Oleh NORHAYATI YAHAYA

KUALA SELANGOR - Setelah dua tahun menjalankan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur di Pusat Kelip-Kelip Kuala Selangor, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyerahkan pusat tersebut kepada Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) Rabu lalu.

Antara kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh TNB di atas kawasan seluas 4.8 hektar itu ialah pembinaan empat wakaf, membuka pulih pintu gerbang dan membina ruang kawasan pejalan kaki.

Selain itu, TNB turut menaik taraf bangunan sedia ada yang diubahsuai kepada dewan mini teater lengkap audio visual, membekalkan jaket keselamatan dan pakaian seragam pendayung.

Naib Presiden Kanan Hal Ehwal Korporat TNB, Datuk Abdul Razak Abdul Majid berkata, komitmen TNB terhadap projek itu dimeterai menerusi Memorandum Per-



ABDUL RAZAK (tengah) menyerahkan replika projek Pusat Kelip-Kelip Kampung Kuantan di Kuala Selangor semalam.

sefahaman (MoU) antara kerajaan negeri dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 26 September 2005.

Katanya, memorandum itu diperkuatkkan lagi menerusi perjanjian bagi projek pemuliharaan pusat tersebut bagi

tempoh lima tahun mulai 2006 dengan kos perbelanjaan sebanyak RM1.2 juta.

"Walaupun keadaan kewangan syarikat tidak sebaik dahulu, namun TNB sedaya-upaya akan meneruskan projek-projek yang dirancang.

"Oleh itu, dengan penyediaan kemudahan infrastruktur tersebut, saya amat berharap agar MDKS dapat memastikan urusan penyelenggaraan dibuat dengan teratur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf Infrastruktur Pusat Kelip-Kelip Kampung Kuantan kepada Yang Dipertua MDKS, Haris Kassim di sini baru-baru ini.

Tambahnya lagi, sumbangan pihaknya kepada penduduk khususnya pendayung tidak akan terhenti begitu sahaja.

Sehubungan itu, jelasnya, TNB akan meneruskan program-program yang dijalankan sebelum ini seperti kelas kemahiran bahasa Jepun dan Arab kepada pendayung di situ.

"Kita juga akan meneruskan pemberian sumbangan pakaian dan kelengkapan sekolah kepada anak-anak pendayung," ujarnya.